

# Pemansuhan yuran sekolah bonus kepada ibu bapa

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Kementerian Pelajaran menyifatkan pemansuhan yuran peperiksaan sekolah rendah dan menengah di semua sekolah kerajaan merupakan satu 'bonus' kepada ibu bapa yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kos pemansuhan yuran Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah diambil kira oleh kementerian dan tiada sebarang pening-

katan yang melibatkan perbelanjaan yang besar.

Katanya, ini adalah waktu sesuai untuk memansuhkan yuran tersebut memandangkan ekonomi negara yang stabil dan sebagai tanda keprihatinan terhadap suara rakyat yang daif mengenai kesukaran bagi membayar yuran peperiksaan.

"Bagaimanapun kos daripada pemansuhan itu belum dapat ditentukan lagi dan akan diumumkan pada mesyuarat pasca Kabinet minggu depan," katanya pada pemberita selepas pembentangan Bajet 2007 di Parlimen, hari ini.

Menurut Hishammuddin, se-

lain mengurang beban ibu bapa, tanggungjawab guru-guru juga turut berkurangan untuk memproses yuran peperiksaan.

"Selain itu, saya juga berterima kasih dengan Perdana Menteri kerana memberi lebih peruntukan sebanyak RM3 bilion kepada kementerian berbanding tahun lalu.

"Ini membuktikan kerajaan prihatin dalam menentukan anak bangsa mempunyai pendidikan yang sempurna," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berkata, pengumuman hari ini membuktikan perancangan dan kestabi-

lan ekonomi negara dan bukannya satu retorik.

"Orang yang kata ekonomi kita tidak bermaya adalah dusta, ini kerana dengan pemberian bonus dan pemberian tambahan elaun kepada kakitangan kerajaan sahaja akan memastikan ekonomi bergerak," jelasnya,

Hishammuddin memberitahu, keputusan mendirikan banyak sekolah baru, pemberian biasiswa dan memansuhkan yuran peperiksaan selaras dengan agenda bagi menyediakan pendidikan yang terbaik untuk anak bangsa.

"Bagi meningkatkan profesion perguruan pula, kerajaan turut

memperuntukkan sejumlah perbelanjaan yang besar untuk latihan guru sama ada di universiti mar negara atau Universiti Terbuka Malaysia," katanya.

Menurutnya, bajet kali ini juga turut mengumumkan mulai tahun depan, Bahasa Mandarin akan diajar sebagai mata pelajaran penuh di 150 sekolah kebangsaan, manakala Bahasa Tamil di 70 buah sekolah kebangsaan.

"Ini adalah satu langkah yang positif dan kementerian menyasarkan menjelang 2020, semua sekolah tersebut akan dapat diajar dengan mata pelajaran itu," katanya.